



# Xperia X1 memang menawan



>>Oleh Afiq Hanif  
afiq@hmetro.com.my

**B**ERITA gembira sekiranya anda mahu membeli peranti mudah alih apabila Sony Ericsson mempunyai produk terhebat sepanjang tempoh vendor itu berkecimpung dalam dunia telefon bimbit melalui Sony Ericsson Xperia X1.

Buat kali pertama, Sony Ericsson Xperia X1 memamerkan antaramuka panel interaktif yang membolehkan penukaran tujuh ciri hebat dan ternyata ia dikategorikan 'kool' oleh penulis.

Panel inilah yang meyerlahkan keunggulan X1 memberikan sentuhan peribadi kepada pengguna termasuk penulis.

Cuma Sony Ericsson Xperia X1 dibangunkan berasaskan sistem operasi Windows Mobile 6.1 yang dikatakan sudah biasa dilihat di kebanyakan peranti pintar lain di pasaran dari pelbagai vendor.

## Rekaan

Tidak dinafikan, penulis mula terpegun dengan 'kejelitaan' X1 dengan papan kekunci mudah luncur serta tidak bersaiz besar, cukup sekadar 4.4 inci (tinggi), 2.1 inci (lebar) dan 0.7 inci (tebal).

Saiznya yang kompak dengan asas pembinaan kukuh memberi kepercayaan kepada si pemakai agar tidak risau jika terjatuh (pelaburan anda boleh dikatakan terjamin).

Penulis berpeluang menguji

peranti berwarna perak dan mendapati skrin sesentuh bersaiz tiga inci memaparkan lebih 65,536 warna dengan resolusi 800 x 480 piksel menyerlahkan kualiti imej serta teks.



## Bermain atau Pejabat?

Tarik utama Sony Ericsson Xperia X1 yang terletak pada keupayaan antaramuka panelnya yang memberikan pilihan santai atau serius termasuk Microsoft Today, Sony Ericsson, Google, 3D Fish, Xperia Radio atau Media Xperience.

Kalau anda berada di pejabat, eloklah menukar skrin ke Microsoft Today bagi menguruskan jadual harian namun jika mahu menghilangkan tekanan sambil 'membela' ikan, panel 3D Fish paling sesuai!

Ikan terbabit bukan sekadar hiasan semata-mata, ia berfungsi dengan mengingatkan anda sekiranya terdapat panggilan tidak terjawab atau warnanya akan hilang sedikit demi sedikit jika bateri berkurangan.

Sementara itu, panel dipaparkan di Microsoft Today membolehkan pengguna memilih 'widget' seperti jam, cuaca atau laman web tertentu.

## Butang

Terdapat beberapa butang navigasi lain di permukaan

telefon termasuk butang menjawab atau menutup panggilan yang berfungsi seakan 'joystick' optikal namun penulis tidak begitu berminat dengan butang sedemikian kerana ia sedikit mengganggu.

Bagi mengakses papan kekunci, pengguna perlu meluncurkan skrin ke kanan bagi membenarkan mekanisme dilaksanakan dengan sempurna.

Sony Ericsson menawarkan pengalaman ergonomik apabila menggunakan papan kekunci disediakan dengan lengkungan yang selesa dan mudah apabila individu menajap khidmat pesanan ringkas (SMS) atau melakukan kerja di Microsoft Office Mobile.



Pengguna akan mendapati port USB di sebelah kiri dan penetapan suara di sebelah kanan sementara pengaktifan kamera beresolusi 3.2 megapiksel di bahagian bawah kanan dengan port fon telinga 3.5mm di ruang atas.



Cuma slot microSD memerlukan anda membuka bateri kerana ia terletak di bahagian belakang dan situasi ini sedikit menjengkelkan.

## Ciri

Selain beroperasi dengan Win-

dows Mobile 6.1 dan Microsoft Office Mobile, peranti ini turut menyokong teknologi Microsoft Direct Push bagi mesej pantas serta sambungan kepada Outlook, kalendar atau hubungan.

Untuk mendapatkan sambungan Internet pula, X1 menyediakan sambungan WiFi atau 3G selain menyokong rangkaian UMTS/HSDPA 850/1900/2100.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Sony Ericsson Xperia X1 adalah peranti hebat dengan purata ketahanan bateri sehingga tiga hari jika penggunaan biasa dilakukan walaupun ia memiliki pelbagai ciri.

Tapi harganya mungkin membuatkan pengguna menggeletar!



## >Spesifikasi

PRODUK: Sony Ericsson  
Xperia X1  
PENGELOUAR: Sony Ericsson  
PERTANYAAN: Sony Ericsson  
TELEFON: 1800-88-9900  
LAMAM WEB:  
www.sonyericsson.com.my  
HARGA: RM3,199

## >Komen

KESELURUHAN: ●●●●  
REKA BENTUK: ●●●●  
INOVASI: ●●●●  
MESRA PENGGUNA: ●●●●  
NILAI WANG: ●●●●

